

CLOBESOL OINTMENT 0.05% w/w

Clobetasol Propionate 0.05% w/w

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Clobesol Ointment 0.05% w/w
2. Bagaimanakah Clobesol Ointment 0.05% w/w berfungsi
3. Sebelum menggunakan Clobesol Ointment 0.05% w/w
4. Cara menggunakan Clobesol Ointment 0.05% w/w
5. Semasa menggunakan Clobesol Ointment 0.05% w/w
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Clobesol Ointment 0.05% w/w

Ia digunakan dalam rawatan jangka masa yang pendek untuk masalah keradangan kulit yang lebih kuat rintangan seperti psoriasis, ekzema, liken planus, eritematosus lupus diskoid dan keadaan lain yang tidak mempunyai respon yang memuaskan terhadap steroid yang kurang aktif.

Bagaimanakah Clobesol Ointment 0.05% w/w berfungsi

Clobesol Ointment adalah sejenis steroid topikal. "Topikal" bermakna ia hanya boleh disapukan pada kulit sahaja. Steroid topikal mengurangkan kemerahan dan kegatalan masalah-masalah kulit tertentu.

Sebelum menggunakan Clobesol Ointment 0.05% w/w

- Bila tidak boleh menggunakan
Jika anda bercadang untuk menggunakannya dalam rawatan seperti berikut:-

- Jangkitan kulit yang disebabkan oleh kulat atau bakteria yang tidak diubati.
- Jangkitan virus kulit seperti herpes simpleks dan cacar air.
- Guna di sekeliling dubur atau bahagian kemaluan.
- Guna pada muka di mana kulit mudah menipis.
- Guna pada kanak-kanak berumur kurang daripada satu tahun.

- Membenarkan ia memasuki ke dalam mata sebab glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata) mungkin berlaku.
- Guna untuk jangka masa yang panjang. Anda harus berbincang dengan doktor anda jika tiada penambahbaikan dijumpai selepas 4 minggu rawatan.

- Sebelum mengguna Clobesol Ointment 0.05% w/w

Anda mesti memberitahu doktor anda jika:

- Anda alah (hipersensitif) terhadap Clobetasol propionate atau mana-mana bahan-bahan dalam Clobesol Ointment,
- Anda mempunyai jerawat atau satu keadaan yang dikenali sebagai rosacea (kemerahan serius pada kulit dan di sekeliling hidung), atau dermatitis perioral (ruam merah berbintik-bintik di sekitar mulut).
- Anda mempunyai keadaan kulit seperti Psoriasis.
- Anda mengandung atau merancang untuk mengandung atau menyusu anak.

Kulit sepatutnya dibersihkan sebelum pembalut baru digunakan. Ini adalah untuk mengelakkan jangkitan bakteria kerana keadaan kulit yang panas dan hangat boleh menyebabkan pengumpulan bakteria.

Mengandung dan menyusu

Keselamatan penggunaannya semasa mengandung dan menyusu adalah belum diketahui. Wanita yang mengandung dan menyusu perlu berjumpa dengan doktor sebelum guna.

Jika ia digunakan semasa menyusu, ubat tersebut tidak boleh disapukan pada payudara untuk mengelakkan pengambilan yang tidak sengaja oleh bayi.

Penggunaan Clobesol Ointment semasa mengandung dan menyusu hanya boleh dipertimbangkan jika potensi manfaat

terhadap ibu melebihi risiko terhadap bayi.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain
Sila beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda mengambil mana-mana ubat lain, termasuk tonik herba, makanan tambahan atau ubat-ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Clobesol Ointment 0.05% w/w

Ambil ubat sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Anda perlu periksa dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti. Jangan ambil ubat ini melalui mulut. Ubat ini adalah hanya untuk kegunaan luaran sahaja.

- Berapa banyak harus digunakan
Sapu Clobesol Ointment dengan berhati-hati dalam kuantiti yang sederhana pada kulit yang terjejas sekali atau dua kali sehari sehingga pembaikan berlaku, sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Bila perlu digunakan
Guna Clobesol Ointment sepertimana yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda. Clobesol Ointment hanya untuk kegunaan kulit sahaja.

- Berapa lama perlu digunakan
Tempoh rawatan adalah bergantung kepada keadaan. Anda harus terus menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

- Jika anda terlupa untuk menggunakannya, sapu secepat mungkin bila anda teringat.
- Abaikan dos yang tertinggal jika ia telah hampir masa untuk dos yang seterusnya.
- Jangan ambil dos berlipat ganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dos berlebihan akut biasanya tidak berlaku. Dos berlebihan untuk jangka masa panjang atau penyalahgunaan ubat mungkin menyebabkan ciri-ciri *hypercorticism* dan dalam keadaan ini penggunaan steroid topikal perlu dihentikan secara perlahan-lahan di bawah pengawasan perubatan.

Semasa menggunakan Clobesol Ointment 0.05% w/w

- Perkara yang perlu dilakukan

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat anda dan menggunakannya seperti yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan Clobesol Ointment 0.05% w/w kepada orang lain, walaupun tanda-tanda mereka seolah-olah serupa atau mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda. Doktor anda telah mempreskripsikan Clobesol Ointment 0.05% w/w untuk anda dan keadaan anda sahaja.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Dalam bayi, lampin mungkin bertindak sebagai pembalutan oklusif dan oleh itu, penyerapan boleh meningkat.
- Berhati-hati supaya menggunakan kuantiti yang betul pada kanak-kanak kerana kanak-kanak boleh menyerap lebih banyak ubat melalui kulit mereka.
- Jika anda mempunyai sebarang persoalan atau kemusykilan, berbincang dengan doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Clobesol Ointment 0.05% w/w boleh mempunyai kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mendapatnya. Ini termasuklah:

- Reaksi alahan – jika anda mengalami bengkak kelopak mata, muka atau bibir, berhenti menggunakan ubat ini dengan

segera dan berjumpa dengan doktor anda.

- Perubahan pada kulit anda di mana ubat ini disapukan seperti kesan penipisan, kemunculan saluran darah, dan perubahan warna atau kuantiti rambut/bulu. Ini biasanya hanya akan berlaku sekiranya anda menggunakan ubat ini terlebih banyak atau untuk terlalu lama kerana penyerapan ubat ke dalam saluran darah. Ini bukan satu masalah jika anda menggunakan ubat dalam kuantiti yang betul dan untuk jangka masa yang betul.
- Reaksi-reaksi alahan setempat seperti kemerahan kulit, ruam, kegatalan, geligata (ruam gatal) dan kepedihan kulit setempat mungkin berlaku pada bahagian yang dirawat dan mungkin serupa dengan gejala-gejala penyakit kulit yang sedang dirawat. Jika tanda-tanda ini berlarutan, berhenti menggunakan ubat ini dengan serta-merta dan berjumpa dengan doktor anda.
- Jika kuantiti yang besar digunakan untuk jangka masa yang sangat panjang, tanda-tanda penindasan kelenjar adrenal mungkin muncul, yang termasuklah penangguhan pertumbuhan kanak-kanak, peningkatan berat badan yang tidak dapat dijelaskan dan kemunculan jerawat.

Jika kesan sampingan bertambah serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenarai dalam risalah ini, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Sila hubungi doktor atau ahli farmasi anda sekiranya terdapat keraguan atau ingin mendapat informasi yang lebih lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my

(Public→Reporting Side Effects to Medicines→ConSERF)

Cara penyimpanan dan pelupusan

- Penyimpanan

Jangan gunakan selepas tarikh luput. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan dalam bekas asal dan di tempat yang kering. Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C.

Jauhkan dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubat tidak boleh dibuang melalui air kumbahan atau buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk membuang ubat-ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa produk

Salap keputihan yang semi-lutsinar dengan tekstur berminyak di dalam tiub aluminium bercetak dan penutup putih. Ia dibekal dalam 15g tiub aluminium.

- Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:
Clobetasol Propionate.

-Bahan tidak aktif:

White petrolatum, Mineral Oil heavy

- Nombor MAL:

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 14, Lebuhraya Kg Jawa, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/11/2017